

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

TARIKH: 4 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian baru-baru ini melancarkan program Recognition of Prior Learning (RPL). Siapakah yang telah dianugerahkan kontrak untuk menjalankan program RPL. Bagaimana mereka dipilih dan adakah proses tender dijalankan. Berapakah jumlah kos keseluruhan program ini.

PR-1323-L64694

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan program *Recognition of Prior Learning* (RPL) sejak tahun 2009. Pada masa berkenaan, PSMB telah menjalinkan kerjasama dengan empat (4) badan persijilan yang mempunyai rangka pengakreditasi (*accreditation framework*) yang berbeza. Badan-badan akreditasi ini boleh menganugerahkan persijilan melalui kaedah RPL dan mereka adalah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di bawah

Kementerian Sumber Manusia, University of Ballarat, Australia, Institute of Supply Chain Management (IOSCM), United Kingdom, dan yang terkini, Gazelle Group of Colleges, United Kingdom.

2. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, tiada sebarang kontrak yang diberikan kepada mana-mana pihak. Ini adalah kerana, di bawah pelaksanaan RPL, bantuan kewangan bagi pekerja mengikuti penilaian RPL hanya akan dibayar setelah majikan bersetuju menggunakan dana Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) yang dicarum oleh mereka untuk tujuan tersebut melalui proses yang telah ditetapkan oleh PSMB. Sehubungan itu, tiada sebarang proses tender dijalankan.